



14 Oktober 2021
14 October 2021
P.U. (A) 398

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN KAWALAN BEKALAN (PINDAAN) 2021

CONTROL OF SUPPLIES (AMENDMENT) REGULATIONS 2021

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA KAWALAN BEKALAN 1961

PERATURAN-PERATURAN KAWALAN BEKALAN (PINDAAN) 2021

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 6 Akta Kawalan Bekalan 1961 [Akta 122], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan (Pindaan) 2021**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 15 Oktober 2021.

Pindaan peraturan 13

2. Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974 [*P.U. (A) 103/1974*], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dalam subperaturan 13(4) dengan memasukkan selepas perkataan “Peraturan-peraturan ini” perkataan “boleh dibuat dalam bentuk elektronik dan”.

Pindaan peraturan 18

3. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan peraturan 18 dengan peraturan yang berikut:

“Sekatan pemilikan barang berjadual bagi penggunaan dan pengambilan dalam perdagangan atau perniagaan.	18. (1) Mana-mana orang yang menjalankan apa-apa perdagangan atau perniagaan, yang dalam penjalanan perdagangan atau perniagaan itu dia menggunakan atau mengambil mana-mana barang berjadual sebagaimana yang dinyatakan dalam Ruang 1 Bahagian IV Jadual, tidak boleh ada dalam milikannya kuantiti barang berjadual sebagaimana yang dinyatakan dalam Ruang 2 Bahagian IV Jadual.
--	--